



## KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

### GARIS PANDUAN PEMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PEMANDU PELANCONG KHAS WILAYAH / *REGION SPECIFIC TOURIST GUIDE (RSTG) SABAH DAN SARAWAK (TAHAP 3)*

#### 1. SYARAT PERMOHONAN

- a) Pemohonan hendaklah dibuat secara **dalam talian** melalui [www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my) dan mengemukakan salinan dokumen sokongan ke Ibu Pejabat ataupun Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) Wilayah Sabah atau Sarawak di mana yang berkenaan.
- b) Permohonan pembaharuan lesen hendaklah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Pelancongan dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari, tetapi tidak lebih daripada enam puluh (60) hari sebelum tempoh sah laku lesen berakhir.
- c) Pemandu Pelancong RSTG yang berstatus percubaan (P) perlu mengikuti **Kursus Pengesahan Pemandu Pelancong** dalam tempoh masa 2 tahun dari mula dilesenkan.

#### Nota:

Kegagalan untuk mengikuti dan lulus Kursus Pengesahan Pemandu Pelancong dalam masa yang ditetapkan (2 tahun) tanpa justifikasi kukuh akan menyebabkan lesen tidak diperbaharui.

- d) Pemandu Pelancong perlu menghadiri sekurangnya **tiga (3) kursus Continuing Tourism Related Education (CTRE)** yang dikendalikan oleh mana-mana entiti/organisasi yang dibenarkan oleh Pesuruhjaya Pelancongan yang diperakukan sebagai CTRE oleh Bahagian Pembangunan Industri, MOTAC.

- e) Pemandu Pelancong hendaklah mengembalikan lesen yang telah tamat tempoh semasa tuntutan lesen baharu dalam tempoh masa 14 hari dari tarikh luput lesen terdahulu.
- f) Tempoh lesen yang diperbaharui adalah bagi tempoh 1 hingga 3 tahun.
- g) Pemohon perlu menyelesaikan urusan serahan, bayaran dan cetakan lesen dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat pemakluman kelulusan. Sekiranya Pemandu Pelancong berkenaan gagal menyelesaikan urusan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, kelulusan adalah terbatal dan permohonan pembaharuan baharu hendaklah dibuat.
- h) Pemandu Pelancong perlu menjadi ahli kepada mana-mana Persatuan Pemandu Pelancong.

## **2. DOKUMEN SOKONGAN:**

- a) Satu (1) keping gambar berwarna berukuran pasport yang terkini.
- b) Sijil Kursus CTRE.

<b>TEMPOH PEMBAHARUAN LESEN</b>	<b>BILANGAN CTRE YANG PERLU DIHADIRI</b>
1 Tahun	3 modul
2 Tahun	6 modul
3 Tahun	9 modul

**Nota :**

- i. Sijil CTRE yang dikemukakan adalah yang terkini atau tidak melebihi tempoh 2 tahun daripada tarikh sijil CTRE; dan
- ii. Sijil CTRE yang dikemukakan hendaklah mempunyai tajuk dan kod berbeza yang telah mendapat kelulusan daripada MOTAC.

## **3. FI YANG PERLU DIBAYAR**

- a) Fi pemprosesan sebanyak RM5.00 bagi permohonan yang dikemukakan. Bayaran dalam bentuk Bank Deraf/Kiriman Wang/Wang Pos atas nama Pesuruhjaya Pelancongan atau bayaran secara atas talian ([www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my)); dan

- b) **Fi lesen** adalah sebanyak **RM50.00 (setahun)** dan hendaklah dikemukakan apabila permohonan diluluskan dalam bentuk Bank Deraf/Kiriman Wang/Wang Pos atas nama **Pesuruhjaya Pelancongan** atau bayaran secara dalam talian ([www.spip.gov.my](http://www.spip.gov.my))

**Nota:**

Nama pemohon, nombor kad pengenalan dan nombor telefon hendaklah ditulis dengan terang dan jelas di belakang Bank Deraf/Kiriman Wang/Wang Pos berkenaan.

**4. PIAGAM KELULUSAN**

**5 hari bekerja** apabila fi pemprosesan telah dibayar dan permohonan lengkap, teratur serta sempurna diterima daripada pemohon melalui SPIP kepada Pejabat MOTAC Wilayah Sabah/ Sarawak ataupun Ibu Pejabat di mana yang berkenaan.

**5. TARIKH KUAT KUASA**

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **30 Jun 2021**.